

21/06/2001

Mesyuarat hanya bincang kedudukan pembelian Nanyang

PUTRAJAYA, Rabu - Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) MCA pada 24 Jun ini hanya mempunyai satu agenda iaitu bersetuju atau tidak dengan pembelian Nanyang Press Holding (Nanyang) oleh sayap pelaburan parti, Huaren Holding Berhad (Huaren).

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata beliau bersedia menerima apa jua keputusan yang akan dibuat perwakilan MCA pada hari berkenaan.

"Saya bersedia menerima keputusan itu 100 peratus," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kementerian di pejabatnya di sini, hari ini.

Katanya, pertelingkahan mengenai pembelian itu, yang dikatakan melanggar perlembagaan parti dan tidak sah dari segi undang-undang seperti didakwa lapan pemimpin lain parti itu, hanya akan diputuskan pada mesyuarat tergempar Jawatankuasa Pusat (CC) pada 23 Jun ini.

Beliau bagaimanapun yakin, ahli MCA yang menentang pembelian Nanyang itu akan kembali bersatu selepas isu itu selesai.

Dr Ling berkata, mana-mana pihak tidak seharusnya mempersoalkan pembelian Nanyang kerana parti itu mempunyai wang yang cukup menerusi Star Publication, yang juga milik Huaren dan pembelian Nanyang adalah pelaburan strategik parti.

"Pada pandangan saya, isu itu tidak sepatutnya menjadi kontroversi kerana ia adalah peluang MCA membuat pelaburan strategik," katanya mengulas nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, yang mahu MCA menamatkan kontroversi pembelian itu.

Perdana Menteri berkata, pihak yang bertelagah perlu mencari jalan keluar daripada kontroversi itu.

Dr Ling berkata, kontroversi itu timbul kerana pihak yang menentang pembelian itu silap tafsir berhubung artikel 150 yang terkandung dalam Perlembagaan Parti.

Artikel 150 menyatakan, pemimpin tertinggi parti itu diberi kuasa untuk menjual, membeli atau melakukan apa jua transaksi.

Beliau berkata, pembelian itu tidak pernah melanggar mana-mana peraturan yang ditetapkan perlembagaan parti.

"Kami mempunyai peguam yang berpengalaman dan boleh dikatakan pakar. Mereka sudah mengkaji perlembagaan itu dan berpendapat pembelian itu tidak bercanggah dengan peraturan yang kita ada," katanya.

Katanya, pemimpin atau mereka yang tidak berpuas hati tidak boleh membawa isu itu ke mahkamah kerana artikel 174 menetapkan, bahawa apa jua keputusan yang dibuat Jawatankuasa Pusat tidak boleh dipersoal atau dibawa ke mahkamah.

(END)